

APLIKASI KERANGKA KERJA TADBIR URUS SHARIAH DALAM AGENSI MENGURUS ZAKAT DI MELAKA

THE APPLICATION OF SHARIAH GOVERNANCE FOR ZAKAT AGENCY IN MALACCA

Abdul Halim Ismailⁱ, Muhammad Firdaus Tubariⁱⁱ, Noorzakry Nor Jamalⁱⁱⁱ, Azhana Othman^{iv},
Zunaidah Ab Hasan^v

ⁱ Ketua Pegawai Eksekutif Zakat Melaka, Melaka, Malaysia, abdulhalim@zakatmelaka.com

ⁱⁱ Penolong Pengarah Sektor Zakat Individu Zakat Melaka, Melaka, Malaysia, firdaus.tubari@zakatmelaka.com

ⁱⁱⁱ Penolong Pengarah Divisyen Dakwah, Penyelidikan Latihan Zakat Melaka, Melaka, Malaysia,
noorzakry@zakatmelaka.com

^{iv} Felo, Centre For Islamic Philanthropy & Social Finance (CIPSF), Universiti Teknologi Mara (UITM), Melaka,
Malaysia, azhana395@uitm.edu.my

^v Felo, Centre For Islamic Philanthropy & Social Finance (CIPSF), Universiti Teknologi Mara (UITM), Melaka,
Malaysia, zunaidah495@uitm.edu.my

ABSTRAK

Ketulusan dalam mengendalikan dana umat Islam terutamanya zakat adalah suatu perkara yang sangat sensitif kepada masyarakat sekiranya tidak diurus dengan baik. Isu persepsi negatif masyarakat terhadap agihan zakat di Malaysia merupakan punca masalah kepada ketidakpercayaan masyarakat dalam pengurusan Agensi Mengurus Zakat. Ketidakpercayaan ini akan memberi kesan kepada kutipan zakat dan secara tidak langsung akan mempengaruhi dana agihan zakat untuk diagihkan kepada lapan (8) golongan asnaf yang layak. Oleh yang demikian, menjadi satu keperluan kepada Agensi Mengurus Zakat untuk mewujudkan satu kerangka kerja urus

ABSTRACT

Integrity in handling zakat funds is a highly sensitive matter to the community if it is not properly managed. The issue of negative perception towards the distribution of zakat in Malaysia is due to the lack of trust from the community toward the management of the agency managing the Zakat. This will therefore affect the collection as well as the distribution of zakat funds to the eight group of Asnaf. Therefore, it is necessary for the zakat agency to build up and create a good shariah governance framework to the needs of Islamic law as a benchmark in order to make sure all activities undertaken are on track. This conceptual study aims to implement Shariah Governance

tadbir yang baik dan menepati kehendak syarak sebagai kayu ukur kepada segala aktiviti yang dilaksanakan berada di landasan yang betul. Kajian konseptual ini berhasrat untuk menerapkan satu kerangka kerja Tadbir Urus Shariah dalam Agensi Mengurus Zakat untuk mengatasi masalah ketidakpercayaan masyarakat terhadap pengurusan Agensi Mengurus Zakat. Tambahan pula Agensi Mengurus Zakat tidak mempunyai kerangka Tadbir Urus Shariah yang standard seperti mana Institusi Kewangan Islam yang lain di Malaysia. Oleh yang demikian, kerangka kerja tadbir urus shariah yang akan dicadangkan memberi implikasi untuk mengembalikan kepercayaan dan persepsi yang positif dikalangan masyarakat.

Kata kunci: Tadbir Urus Shariah, Zakat, Kutipan Zakat, Agihan Zakat, Agensi Mengurus Zakat

Framework to overcome the distrust of the community towards the management of Zakat agency since they do not have any standard of shariah governance framework, like other Islamic Financial Institutions in Malaysia. In conclusion, the proposed Shariah Governance Framework proposed in this study, will give an implication to restore the trust and positive perceptions among the public.

Keywords: Shariah Governance, zakat, zakat collection, zakat distribution, agency of managing zakat

PENGENALAN

Zakat merupakan satu ibadah yang wajib dilaksanakan bagi setiap umat Islam. Seperti mana yang termaktub di dalam al-Quran, Allah s.w.t berfirman yang bermaksud; “Dirikanlah sembahyang dan keluarkanlah zakat” (Al-Baqarah: 43). Di samping itu, zakat termasuk salah satu dari ajaran Islam yang *maklum minadin bi darurah* (ajaran agama yang secara pasti telah diketahui secara umum (M. Sibromulisi, 2018).

Zakat juga merupakan salah satu rukun Islam yang wajib dilaksanakan, sekiranya ingkar maka dia bukan dari kalangan orang Islam. Rasulullah s.a.w bersabda yang bermaksud; “Islam itu dibina di atas lima perkara, penyaksian bahawa tiada Tuhan

selain Allah dan Nabi Muhammad adalah utusan Allah, mendirikan solat, mengeluarkan zakat, haji dan puasa bulan Ramadan” (Sahih Bukhari, Hadis Nombor 8 & Sahih Muslim, Hadis Nombor 16).

Kewajiban zakat adalah ajaran agama Islam yang diketahui secara jelas dan pasti tanpa boleh disangkal. Imam an-Nawawi *rahimahullah* memetik daripada al-Khattabi; Sesiapa yang mengingkari kefardhuan zakat pada zaman ini maka dia telah kafir dengan kesepakatan (*ijmak*) orang-orang Islam. Pengetahuan tentang kewajiban zakat telah tersebar secara meluas di kalangan orang Islam, hinggakan ia diketahui oleh orang awam dan khusus, dikongsi oleh orang alim dan jahil (Syarah Muslim; 1/205). Oleh itu, menurut Abi Zakariyya Muhyiddin bin Syarf an-Nawawi menyatakan bahawa siapa yang mengingkari kewajiban ini, sesungguhnya dia telah mendustakan Allah dan mendustakan Rasulullah s.a.w, sehingga ia dihukumi kufur (Mustofa Al-Khin, Mustofa Al-Bugho & Ali Asy-Syarbaji, 2011).

Tujuan disyariatkan ibadah zakat ini adalah untuk menjaga dan membantu golongan yang memerlukan bantuan yang telah ditetapkan oleh Allah s.w.t. seperti mana firman Allah s.w.t. di dalam al-Quran; “Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, orang-orang miskin, amil-amil yang mengurusnya, orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya, untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan diri, orang-orang yang berhutang, untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan, ialah sebagai satu ketetapan daripada Allah. Dan Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.” (At-Taubah: 60)

Oleh yang demikian, disebabkan peranan dan penekanan yang besar terhadap ibadah zakat di dalam ajaran agama Islam, masyarakat Islam akan mengambil peduli terhadap segala tadbir urus yang melibatkan dana zakat agar diuruskan dengan penuh tanggungjawab dan amanah oleh pemegang amanah selaras dengan kehendak syarak.

INSTITUSI KEWANGAN ISLAM

Institusi Kewangan Islam yang terawal ialah pada zaman Nabi Muhammad s.a.w. Zakat disyariatkan pada tahun ke 2 Hijrah sebelum difardhukan puasa Ramadhan (Mustofa Al-Khin, Mustofa Al-Bugho & Ali Asy-Syarbaji, 2011). Pada zaman pemimpin Islam yang ke 2, Khalifah Umar Al-Khatib mewujudkan Institusi Kewangan Islam yang lebih bersistematik yang disebut sebagai Baitulmal (INCEIF, 2014). Baitulmal merupakan pusat pembendaharan harta bagi negara Islam pada ketika itu bertujuan untuk mengumpulkan segala harta umat Islam yang

disumbangkan oleh orang-orang kaya kemudian akan diagihkan kepada orang-orang lebih memerlukan.

Sumber Baitulmal terbahagi kepada dua sumber utama. Sumber utama ialah Zakat (pemberian wajib bagi orang Islam), kharaj (cukai tanah bagi orang bukan Islam), *jazia* (cukai pendapatan bagi orang bukan Islam), cukai kastam, tol dan sedekah (pemberian sukarela bagi orang Islam). Sumber kedua iaitu harta yang tiada hak milik, harta orang yang telah keluar daripada agama Islam dan harta si mati yang tidak dituntut (INCEIF, 2014). Sumber-sumber tersebut merupakan sumber yang perlu kepada tadbir urus yang baik dan terurus. Sekiranya dana umat Islam ini tidak diurus dengan baik akan memberi impak kepada kepercayaan masyarakat terhadap institusi kewangan Islam dan akan mencemarkan nama baik agama Islam itu sendiri.

Walau bagaimanapun, di Malaysia institusi kewangan Islam seperti perbankan Islam dan syarikat insurans takaful di kawalselia oleh Bank Negara Malaysia di bawah Akta Bank Islam 1983 dan Akta Takaful 1984. Manakala bagi institusi zakat di bawah pentadbiran Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), Perundangan dan pentadbiran zakat adalah berdasarkan peruntukan Perlembagaan Persekutuan iaitu Butiran (1) Senarai Kedua, Jadual Kesembilan, Peruntukan (74). Segala urusan berkaitan agama Islam termasuk zakat, sedekah, hibah, wakaf, korban dan seumpamanya adalah tertakluk di bawah MAIN dan sistem perundangan negeri masing-masing. Urusan berkaitan zakat adalah terlakluk di bawah peruntukan Enakmen Pentadbiran Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Negeri atau Enakmen Zakat Negeri. Raja dan Yang Di Pertuan Agong telah diberi kuasa dalam urusan berkaitan mengutip dan mengagih wang zakat. Di bawah MAIN terdapat Jabatan Hal Ehwal Islam Negeri (JHEIN) di mana di bawahnya terdapat satu unit khas yang dikenali sebagai Baitulmal atau Jabatan Zakat yang telah dibentuk bagi melaksanakan segala urusan berkaitan zakat iaitu mengurus, mengutip dan mengagihkan zakat kepada golongan asnaf berkelayakan (Abd Halim, Arifin, Rawi, Mastura & Siti Nor Hidayah 2009).

TADBIR URUS

Tadbir urus didefinisikan sebagai satu sistem dimana organisasi diarah dan dikawal (Neeta Shah & Christopher, 2016). Menurut Tan Sri Mohd. Side Hj. Hassan, Ketua

Setiausaha Negara di dalam surat bertarikh 2007 dalam usaha bagi mempertingkatkan tadbir urus di sektor awam menyatakan bahawa tadbir urus merangkumi aspek-aspek seperti tatacara Ketua Eksekutif/Ketua Jabatan dan para pegawai di semua peringkat pengurusan melaksanakan tanggungjawab secara telus dan berhemah dari segi pengambilan dan penyampaian hasil, struktur termasuk budaya kerja, dasar, strategi serta tatacara mereka berurusan dengan pelbagai pihak yang berkepentingan (*stakeholders*) dan proses di mana agensi awam diurus/diarah, dikawal dan dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan objektif yang telah dipersetujui (Suhaimie, 2009)

TADBIR URUS TERBAIK

Manakala tadbir urus terbaik (*good governance*) didefinisikan sebagai konsep normatif nilai-nilai ke arah merealisasikan keperluan tadbir urus dan kaedah yang digunakan oleh sekumpulan aktivis sosial yang berinteraksi mengikut konteks sosial tertentu. Oleh itu, tadbir urus terbaik perlu memberikan penekanan terhadap dua aspek utama iaitu:

1. Prestasi yang mana pengurusan penyampaian adalah amat penting dalam menyampaikan perkhidmatan yang efektif dan efisien, seperti yang diharapkan oleh pihak-pihak berkepentingan (*stakeholders*) di samping memastikan perkhidmatan tersebut *value for money* serta pengurangan terhadap pembaziran sumber dan dana.
2. Pematuhan terhadap undang-undang iaitu setiap organisasi/agensi perlu mematuhi segala peraturan, undang-undang, piawaian (*standard*) yang digunapakai dan harapan masyarakat terhadap amalan kejujuran, akauntabiliti dan integriti serta ketelusan dalam pekongsian maklumat (Suhaimie, 2009).

Institusi zakat diberi tanggungjawab untuk mengutip dana zakat dan memastikan keadilan dilakukan dalam mengagihkannya kepada penerima zakat. Untuk memudahkan institusi zakat dalam menguruskan dana zakat secara berkesan dan cekap, pencarian tadbir urus yang baik amat diperlukan (Md Hairi Md Hussain, Kamil Md. Idris & Ram Al Jaffri Saad, 2012). Oleh yang demikian, Agensi Mengurus Zakat perlu untuk merangka satu tadbir urus yang baik sebagai satu usaha untuk memperkukuhkan lagi institusi Zakat di Malaysia. Secara tidak langsung masyarakat Islam tidak ada ruang untuk memandang negatif kepada institusi zakat yang di dakwa selama ini menyalahgunakan dana zakat untuk kepentingan tertentu.

TADBIR URUS SHARIAH

Tadbir Urus Shariah merupakan terbitan daripada Tadbir Urus yang ditambah nilai berdasarkan prinsip-prinsip syariah. Bagi institusi zakat di Malaysia, Agensi Mengurus Zakat tidak mempunyai kerangka kerja Tadbir Urus Shariah yang standard seperti perbankan Islam.

Di Malaysia, Bank telah membentuk satu mekanisme untuk sistem kewangan Islam beroperasi secara konsisten berdasarkan prinsip *muamalah* Shariah, menerusi susunan keinstitutionan yang jelas bagi institusi kewangan Islam yang dikawal selia oleh Bank. Struktur tadbir urus Shariah dua peringkat telah diperkenalkan, terdiri daripada badan penasihat Shariah yang utama di Bank dan jawatankuasa pengawasan Shariah yang ditubuhkan di setiap institusi kewangan Islam.

Majlis Penasihat Shariah Bank Negara Malaysia (MPS) ditubuhkan pada tahun 1997 sebagai badan wibawa tertinggi dalam memutuskan semua perkara Shariah berkaitan industri perbankan Islam dan takaful. MPS berperanan sebagai penimbang tara terakhir dalam penafsiran prinsip Shariah berkaitan hal ehwal dan amalan perbankan Islam serta takaful, dan memupuk keseragaman penafsiran Shariah di kalangan jawatankuasa-jawatankuasa Shariah di setiap institusi kewangan Islam (Rangka Kerja Tadbir Urus Shariah Baharu, BNM, 2009).

Akta Bank Islam 1983 dan Akta Takaful 1984 mewajibkan penubuhan sebuah jawatankuasa Shariah yang bebas di setiap institusi kewangan Islam. Pada tahun 2004, Garis Panduan Tadbir Urus Jawatankuasa Shariah bagi Institusi Kewangan Islam (Garis Panduan) telah dikeluarkan yang menggariskan peranan, tugas dan tanggungjawab jawatankuasa Shariah dan anggotanya serta hubungan dan skop aturan tugas antara jawatankuasa Shariah di setiap institusi dengan MPS di peringkat nasional (Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran, 2009, BNM).

Oleh yang demikian, melalui model struktur kerangka kerja tadbir urus syariah yang telah diperkenalkan oleh BNM kepada semua institusi kewangan Islam di Malaysia, Agensi Mengurus Zakat juga boleh menjadikannya sebagai model dan garis panduan dalam mewujudkan satu kerangka kerja tadbir urus syariah yang standard untuk Agensi Mengurus Zakat di Malaysia.

TADBIR URUS SHARIAH ZAKAT

Tadbir Urus Shariah Zakat perlu dirangka berdasarkan kepada prinsip-prinsip Islam yang menitikberatkan tentang keadilan, ketulusan dan integriti serta penentuan

hukum syarak yang tepat berkenaan dengan zakat terutamanya dalam menentukan siapa yang wajib membayar zakat dan siapa yang layak menerima zakat.

Asas dalam pembentukan Tadbir Urus Shariah Zakat adalah berdasarkan kepada *maqasid shariah* (objektif shariah). Objektif shariah ini boleh dibahagikan kepada tiga kategori, iaitu Keperluan (*daruriyyat*), Keinginan (*hajiiyyat*) dan Kehendak (*ta'siniyyat*). Bagi institusi zakat, Keperluan (*daruriyyat*) perlu diutamakan berbanding Keinginan (*hajiiyyat*) dan Kehendak (*ta'siniyyat*) oleh kerana institusi zakat bertanggungjawab dalam memastikan lapan golongan asnaf yang layak dapat memenuhi keperluan hidup mereka dan dalam masa yang sama dapat merapatkan jurang pendapatan diantara orang kaya dan orang miskin. Oleh yang demikian, ekonomi umat Islam secara keseluruhannya akan lebih kukuh.

Keperluan (*daruriyyat*) ialah sesuatu yang sangat diperlukan sehingga ke tahap terdesak, terpaksa dan tidak dapat dielakkan (Wan Mohd Nasir bin Wan Abd Wahab, 2011). Sekiranya diabaikan perkara ini akan membawa kepada kemudaratan dalam kehidupan seseorang itu. Terdapat lima prinsip di bawah konsep *daruriyyat* yang disebut sebagai *al-daruriyyat al-khamsah* iaitu Keperluan yang Lima iaitu:

1. Menjaga agama Islam,
2. Menjaga nyawa,
3. Menjaga maruah dan keturunan,
4. Menjaga akal fikiran,
5. Menjaga harta.

KERANGKA TADBIR URUS SHARIAH AGENSI MENGURUS ZAKAT

Kerangka Tadbir Urus Shariah terbahagi kepada enam (6) prinsip:

PRINSIP	PENERANGAN
PRINSIP I: Prasyarat Umum Kerangka Tadbir Urus Shariah	Bahagian ini adalah intisari prasyarat umum kerangka tadbir urus shariah, yang mana menunjukkan fungsi asas ataupun dasar utama kepada Agensi Mengurus Zakat. Agensi Mengurus Zakat hendaklah memastikan seluruh aktiviti yang dilaksanakan adalah berlandaskan sumber hukum Islam yang merangkumi; (1) Al-Quran, (2) As-Sunnah, (3) Ijma dan (4) Qias serta menepati 5 prinsip Maqasid Shariah iaitu bertujuan untuk; (1) menjaga agama, (2) menjaga nyawa, (3) menjaga akal, (4) menjaga maruah dan keturunan serta (5) menjaga harta.

<p><u>PRINSIP II:</u> Pengawasan, akauntabiliti dan tanggungjawab</p>	<p>Bahagian ini adalah garis panduan terhadap tahap akauntabiliti dan tanggungjawab yang diharapkan oleh Ahli Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Syariah Zakat dan Pengurusan Zakat terhadap Agensi Mengurus Zakat. Pihak yang bertanggungjawab terhadap Agensi Mengurus Zakat perlu memastikan segala pengurusan pentadbiran dan gerak kerja diawasi dengan teliti dan mempunyai sifat integriti dan kreditibiliti yang tinggi.</p>
<p><u>PRINSIP III:</u> Kebebasan</p>	<p>Bahagian ini bertujuan untuk menjaga Jawatankuasa Syariah Zakat bebas daripada terikat kepada orang-orang yang berkepentingan dalam memastikan segala keputusan Jawatankuasa Syariah Zakat bersih daripada unsur-unsur yang negatif serta penekanan terhadap peranan Ahli Lembaga Pengarah dalam mengiktiraf kebebasan Jawatankuasa Syariah Zakat.</p>
<p><u>PRINSIP IV:</u> Kecekapan</p>	<p>Bahagian ini memaparkan syarat keperluan dan jangkaan kecekapan untuk memastikan fungsi utama Agensi Mengurus Zakat mampu melaksanakan tadbir Urus Syariah dengan baik dan tepat.</p>
<p><u>PRINSIP V:</u> Kerahsian dan konsistensi</p>	<p>Bahagian ini menggariskan peraturan minimum yang dibentuk oleh Agensi Mungurus Zakat dalam menekankan kepentingan menilai dan memelihara kerahsiaan serta meningkatkan tahap konsistensi dalam membuat keputusan oleh Jawatankuasa Syariah Zakat.</p>
<p><u>PRINSIP VI:</u> Fungsi pematuhan dan penyelidikan Syariah</p>	<p>Bahagian ini menetapkan fungsi Audit Syariah, fungsi Penyelidikan Syariah, fungsi Penilaian Syariah, fungsi Kawalan Pengurusan Risiko Syariah.</p>

Sumber: Adaptasi daripada Kerangka Tadbir Urus Syariah Bank Negara Malaysia (www.bnm.gov.my)

APLIKASI KERANGKA TADBIR URUS SHARIAH DALAM AGENSI MENGURUS ZAKAT DI MELAKA

Agensi Mengurus Zakat di Melaka terbahagi kepada dua (2) bahagian pengurusan iaitu:

1. Bahagian Mengurus Kutipan Zakat

Bahagian kutipan zakat di Melaka adalah di bawah pengurusan Zakat Melaka Sdn. Bhd (ZM). yang merupakan anak syarikat Majlis Agama Islam Melaka (MAIM). Zakat Melaka (ZM) telah dikorporatkan pada April 2001 dimana pengurusan kutipan zakat diletakkan dibawah PZM (Portal Rasmi MAIM).

Objektif Penubuhan ZM adalah untuk (1) mendorong dan menggalakkan kewajipan berzakat dalam kalangan umat Islam, (2) melahirkan masyarakat yang prihatin sesama insan, (3) menyediakan kemudahan dan keselesaan kepada pembayar zakat, (4) menguruskan kutipan zakat selaras dengan sasaran yang ditetapkan, (5) mengadakan kempen dan promosi kesedaran berzakat dalam menyebarkan info zakat serta (6) melahirkan keyakinan masyarakat Islam terhadap ZM (Portal Rasmi MAIM). Fungsi Bahagian Mengurus Kutipan Zakat adalah untuk menguruskan segala aktiviti kutipan zakat kepada seluruh masyarakat yang dipertanggungjawabkan untuk menunaikan kewajipan zakat di negeri Melaka.

2. Bahagian Mengurus Agihan Zakat

Bahagian agihan zakat di Melaka diuruskan oleh Sektor Baitulmal MAIM di Bahagian Agihan Zakat. Bahagian ini bertanggungjawab dalam mengurus, merancang dan mengawal hal ehwal kebajikan para penerima bantuan yang terdiri daripada semua asnaf yang telah ditentukan. Menyelaras dan membuat siasatan terhadap permohonan bagi mereka yang memerlukan bantuan dan perhatian daripada pihak Baitulmal (Portal Rasmi MAIM).

Objektif bahagian ini adalah untuk (1) mengagihkan kutipan zakat kepada lapan asnaf mengikut program, skim dan projek yang telah ditetapkan di dalam anggaran belanjawan zakat secara cekap dan berkesan serta memenuhi kehendak syarak bagi asnaf yang dibantu, (2) mengenal pasti golongan fakir dan miskin yang perlu dibantu, menyiasat dan memproses permohonan bantuan untuk menentukan kesahihan dan kelayakan mengikut garis panduan dan kelayakan yang telah ditetapkan, (3) mewujudkan perasaan redha dan sabar di kalangan golongan yang layak dibantu, (4) bekerjasama dengan semua pihak bagi membantu golongan yang layak daripada kewangan zakat. Fungsi Bahagian Mengurus Agihan Zakat adalah untuk mengurus dan memastikan segala agihan zakat diagihkan kepada lapan (8) golongan asnaf yang layak berdasarkan garis panduan yang telah ditetapkan oleh Syarak.

BAHAGIAN MENGURUS KUTIPAN ZAKAT

Aplikasi Kerangka Tadbir Urus Syariah di Bahagian Mengurus Kutipan Zakat, pihak pengurusan bahagian tersebut hendaklah memegang kepada PRINSIP II: Pengawasan, akauntabiliti dan tanggungjawab dan PRINSIP IV: Kecekapan.

Pengawasan terhadap kutipan zakat sangat dititik beratkan supaya tiada berlaku kebocoran dana kutipan zakat kepada perkara yang tidak sepatutnya yang bertentangan dengan PRINSIP I. Begitu juga segala data maklumat pembayar-pembayar zakat perlu dijaga dengan penuh akauntabiliti supaya data maklumat tersebut tidak disalahgunakan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

Tanggungjawab tersebut perlulah dipikul dengan penuh amanah dan berintegriti sama ada dari pihak pentadbiran dan juga Ahli Lembaga Pengarah sebagai pemegang amanah terhadap Agensi Mengurus Zakat.

Bahagian Mengurus Kutipan Zakat juga hendaklah memastikan segala operasi kutipan dan promosi zakat dapat dilaksanakan dengan penuh efisien agar kutipan zakat dapat ditingkatkan dari masa ke semasa bergantung pada keadaan ekonomi semasa.

Sekiranya pihak pengurusan tidak bertindak secara cekap dan saksama pasti akan menjejaskan prestasi kutipan zakat secara tidak langsung dana zakat akan merundum. Oleh yang demikian, akan menjejaskan imej serta keperluan kepada golongan asnaf yang layak dan memerlukan bantuan.

BAHAGIAN MENGURUS AGIHAN ZAKAT

Kerangka Tadbir Urus Syariah yang perlu diadaptasikan oleh Bahagian Mengurus Agihan Zakat adalah berpegang kepada PRINSIP III: Kebebasan dan PRINSIP V: Kerahsiaan dan konsistensi.

Bahagian Mengurus Agihan Zakat mestilah bebas daripada perkara-perkara yang boleh mempengaruhi keputusan dalam menguruskan agihan zakat kepada golongan asnaf yang layak. Pihak Bahagian Mengurus Agihan Zakat perlulah memastikan agihan zakat yang disalurkan mengikut kehendak syarak dan tidak bertentangan dengan PRINSIP I.

Begitu juga pihak Bahagian tersebut hendaklah mengambil kira *kemaslahatan* umum ataupun kepentingan awam dalam membuat keputusan pengagihan zakat selagi mana tidak bertentangan dengan hukum syarak.


Prinsip yang paling penting bagi Bahagian Mengurus Agihan Zakat adalah Prinsip yang ke-5 iaitu menjaga kerahsiaan maklumat-maklumat data berkenaan golongan

asnaf yang merupakan sulit untuk dikongsikan di khalayak umum bagi menjaga kehormatan dan aib golongan asnaf yang perlu dijaga rapi oleh pihak bahagian pengurusan.

Pihak Bahagian Mengurus Agihan Zakat juga harus memastikan segala gerak kerja dan dasar-dasar mengeluarkan keputusan agihan sentiasa konsisten dan tetap berlandaskan hukum syarak supaya tidak berlaku kontroversi terhadap masyarakat.

Sekiranya pihak pengurusan tidak memandang serius berkenaan prinsip tersebut boleh menyebabkan masyarakat akan memandang negatif kepada pihak pengurusan agihan zakat dan secara tidak langsung akan menjejaskan kepercayaan terhadap pengurusan agihan zakat. Rentetan daripada kepincangan yang berlaku akan mencalarakan reputasi Agensi Mengurus Zakat Secara Keseluruhannya.

MODEL STRUKTUR KERANGKA TADBIR URUS SHARIAH BAGI AGENSI MENGURUS ZAKAT



Pematuhan Shariah Dan Fungsi Penyelidikan

Sumber: Adaptasi daripada Kerangka Tadbir Urus Shariah Bank Negara Malaysia (www.bnm.gov.my)

KESIMPULAN

Kesimpulannya, rangka kerja tadbir urus Shariah di Malaysia telah berkembang sejajar dengan situasi pasaran yang sentiasa berubah, iaitu struktur tadbir urus di peringkat sistem kewangan Islam keseluruhannya, dan di setiap institusi kewangan Islam telah dipertingkatkan dan diperkukuh bagi memastikan pematuhan Shariah. Keberkesanan pelaksanaan rangka kerja tadbir urus Shariah yang baharu ini akan terus meningkatkan lagi keyakinan pihak berkepentingan dan integriti industri kewangan Islam, seterusnya mengurangkan risiko ketakpatuhan Shariah dan dalam jangka masa sederhana, menyumbang ke arah kestabilan kewangan yang berterusan (Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran 2009, BNM). Kertas ini telah membincangkan dengan terperinci berkenaan tadbir urus Shariah bagi institusi kewangan Islam yang diperkenalkan oleh BNM yang telah diamalkan oleh institusi perbankan Islam dan Takaful untuk diadaptasikan oleh Agensi Mengurus Zakat di Melaka. Terdapat 6 prinsip utama yang telah diadaptasikan daripada kerangka kerja tadbir urus shariah yang diperkenalkan oleh BNM iaitu (1) Prasyarat Umum Kerangka Tadbir Urus, Shariah, (2) Pengawasan, akauntabiliti dan tanggungjawab, (3) Kebebasan, (4) Kecekapan, (5) Kerahsian dan konsistensi, (6) Fungsi pematuhan dan penyelidikan Shariah. Oleh yang demikian, langkah untuk mewujudkan kerangka kerja tadbir urus Shariah adalah untuk memperkasakan lagi institusi zakat dan mempertingkatkan kepercayaan masyarakat dalam menjamin kestabilan ekonomi umat Islam secara keseluruhannya.

RUJUKAN

“Rangka Kerja Tadbir Urus Shariah Baharu” dicapai pada 1 Julai 2019
http://www.bnm.gov.my/files/publication/fsps/bm/2009/cp03_rencana_03.pdf

Abd Halim, Arifin, Rawi, Mastura, & Siti Nor Hidayah, “Pengintegrasian Zakat & Cukai di Malaysia: Menerajui Kecemerlangan Zakat, 2009.

Al-Quran.

INCEIF, “IB1004 Islamic Financial Institutions and Markets”, Topic 3: The History and Developments of Islamic Financial Institution, Edition 2014.

INCEIF, “SH1002 Shariah Aspects of Business and Finance”, Unit 5 Maqasid Al-Shariah, 2006.

M. Sibromulisi, 2018 “Dasar Kewajiban Zakat dalam Islam”, 2018. Dicapai 30 Julai 2019 <http://www.nu.or.id/post/read/84887/dasar-kewajiban-zakat-dalam-islam>.

Md Hairi Md Hussain, Kamil Md. Idris & Ram Al Jaffri Saad, “Ketelusan Di Dalam Tadbir Urus Institusi Zakat”, Prosiding Seminar Isi-isu Kontemporari Zakat di Malaysia, 25 -27 November 2012.

Mustofa Al-Khin, Mustofa Al-Bugho & Ali Asy-Syarbaji, “Kitab Fikah Mazhab Syafie: Jilid 2”, 2011.

Neeta Shah & Christopher J. Napier “The Cadbury Report 1992: Shared Vision and Beyond”, 2016.

Portal Rasmi Majlis Agama Islam Melaka (MAIM), 2019. Dicapai pada 27 Julai 2019, www.maim.gov.my.

Rangka Kerja Pengawalan Kehematan dan Penyeliaan, Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran 2009. BNM. Dicapai pada 28 Julai 2019, www.bnm.gov.my.

Sahih Bukhari

Sahih Muslim

Shariah Governance Framework for the Islamic Financial Institution Bank Negara Malaysia, 2010

Sistem Tadbir Urus Shariah dalam Institusi Kewangan Islam.
www.maybank2u.com.my/iwov-resources/islamic-my/document/my/en/islamic/scoe/knowledge-centre/articles/Urur_Tadbir_Urus_Shariah_IF.pdf

Suhaimie Sahabuddin, “Tadbir Urus Terbaik”. Buletin SPPS, 1 (Jan -). p. 20, 2009.

Wan Mohd Nasir Wan Abdul Wahab, “Maqasid Syariah Cabaran dan Penyelesaian dalam Merealisasikannya”, 2011.